

Tak perlu campur tangan asing
Utusan Online
20 April, 2013

MUAR 19 April - Tan Sri Muhyiddin Yassin menegaskan, pihak luar tidak perlu mencampuri urusan dalaman Malaysia kerana negara sememangnya mengamalkan proses pilihan raya umum yang telus dan adil selama ini.

Bagaimanapun menurut Timbalan Perdana Menteri, dakwaan bahawa berlaku campur tangan asing masih belum dapat dipastikan hingga kini.

"Ini berkaitan dengan risikan dalam negara dan mungkin Kementerian Pertahanan ada maklumat tentang perkara tersebut (campur tangan asing).

"Kita terima kenyataan bahawa Singapura tidak mencampuri urusan pilihan raya umum seperti mana dakwaan sebelum ini, lagipun hubungan Malaysia dan Singapura amat baik jadi tidak ada elemen untuk campur tangan dalam di negara ini," katanya dalam sidang akhbar selepas melawat Pusat Daerah Mengundi (PDM) Kampung Tengah, Sungai Terap, di sini hari ini.

Ketika ditanya mengenai Naib Presiden Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia, Datuk Zulkifli Noordin bertanding di Shah Alam, beliau berkata, seorang ahli politik yang matang, berani bersuara, mungkin ada pihak yang tidak senang hati dengannya iaitu pembangkang.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130420/px_07/Tak-perlu-campur-tangan-asing#ixzz2ZuSoEe6p

© Utusan Melayu (M) Bhd